KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **1 OKTOBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: SELASA

TARIKH: 1/10/2024

M/SURAT: 5




LAPORAN Metro Ahad, kelmarin.




LAPORAN Harian Metro, semalam.

**SUSULAN PENYELEWENGAN MINYAK MASAK PAKET 1KG BERSUBSIDI**

# 32 syarikat diambil tindakan

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Asrizal Aris
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 32 syarikat sudah diambil tindakan dan kuota syarikat ditarik di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) sejak tahun 2020 hingga Jun 2024.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Adam berkata, jumlah itu diyakini akan terus meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan kepada hasil siasatan dijalankan.

Menurutnya, KPDN menjalankan pengauditan rantaian pengedaran minyak masak bersubsidi secara intensif bermula daripada pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit.

"Melalui kaedah ini penyelewengan boleh dikesan di peringkat awal melalui pengisytiharan stok untuk mengesan aliran pergerakan minyak masak melalui rantaian pengedaran dari pengilang hingga peruncit.

"Turut dilaksanakan adalah penggantungan atau pembatalan kuota COSS dan lesen Runcit Barang Kawalan Berjadual (CSA) dalam tempoh siasatan sebagai langkah tegas terhadap pihak berkenaan kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961)," katanya.

Menurutnya, KPDN mengingatkan semua pihak yang terbabit dalam rantaian pembekalan dan pengedaran minyak masak bersubsidi paket 1kg untuk lebih bertanggungjawab dalam memastikan subsidi ini benar-benar sampai kepada golongan sasar.

"Selain pemborong dan peruncit, pihak syarikat pembungkus (*repackers*) juga tidak boleh lepas tangan dan perlu bertanggungjawab dalam memastikan tidak berlakunya ketirisan.

"Syarikat pembungkus (*repackers*) turut disiasat sekiranya sesuatu jenama yang disyaki terbabit dalam kegiatan penyelewengan dan penyeludupan atau minyak masak dirampas dalam operasi penguatkuasaan.

"Individu yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122]. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1 juta manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Menurutnya, syarikat pula boleh didenda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan berikutnya.

"Selain itu, syarikat berkenaan akan disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan minyak masak.

"Kerjasama umum amat dialu-alukan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang lengkap dan tepat berhubung perkara berkaitan melalui saluran aduan melalui WhatsApp 019-848 8000, Portal e-Aduan KPDN di http://eaduan.kpdn.gov.my atau pusat panggilan 1-800-886-800; dan Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 5

# Orang kita bantu sindiket seleweng minyak masak

**Putrajaya:** Tidak dinafikan wujudnya 'barua' tempatan yang menjadi punca ketirisan minyak masak subsidi milik rakyat dalam skala besar setiap bulan.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata, KPDN tidak menafikan ada segelintir syarikat pengedar, pemborong, pembungkus (*repackers*) bersekongkol dengan sindiket untuk melakukan aktiviti penyelewengan ke atas minyak masak bersubsidi.

Menurutnya, sikap keterlaluan untuk mendapatkan keuntungan dengan mudah melalui aktiviti jenayah ini menjadi faktor utama penyeludupan memandangkan harga minyak masak bersubsidi di Malaysia jauh lebih rendah berbanding di negara jiran.

"Kementerian akan terus mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan termasuk bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain bagi memastikan ketirisan dan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi dapat dibanteras.

"Ini terbukti apabila KPDN melalui Bahagian Penguat Kuasa dengan kerjasama pejabat KPDN negeri berjaya menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi menerusi Ops Tiris 3.0 dalam siri serbuan terbaharu dilakukan ke atas beberapa buah premis di sekitar negeri Perak, Selangor dan Johor.

"Pihak diserbu pada Ogos lalu adalah rantaian syarikat pengilang, pembungkusan dan pemborong minyak masak. Nilai keseluruhan ketirisan subsidi minyak masak dalam operasi ini dianggarkan boleh mencecah RM20 juta.

Menurutnya, dalam satu kes terbaharu pada 23 Ogos lalu, KPDN bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya mematahkan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi hasil serbuan terhadap tiga premis berasingan di Nilai, Negeri Sembilan.

"Dalam serbuan itu, sebanyak 180,200kg minyak masak bersubsidi pelbagai jenama berjaya disita, selain kenderaan dan beberapa dokumen seperti invois jualan dan belian.

"Nilai keseluruhan rampasan dalam operasi itu dianggarkan berjumlah RM490,500," katanya.

Menurutnya, KPDN turut mengadakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Gerakan Am PDRM, Pasukan Polis Marin, Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta 1 agensi lain bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan lebih berkesan.

"Bagi penguatkuasaan di sempadan maritim negara, KPDN turut melakukan kerjasama bilateral antara negara jiran untuk mengekang ketirisan barang bersubsidi di sempadan negara selain Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)," katanya.

**Nilai ketirisan subsidi minyak masak dalam operasi cecah RM20 juta**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: SELASA

TARIKH: 1/10/2024

M/SURAT: 5

# KPDN tentu lokasi edar, hantar bekalan

**Kuala Lumpur:** Penetapan lokasi bekalan minyak masak paket bersubsidi kepada premis peruncitan oleh kerajaan mampu memastikan ketirisan barang kawalan itu tidak lagi berlaku.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali sebelum ini berkata, syarikat pembungkusan dibenarkan menentukan lokasi pengedaran atau membuat penghantaran bekalan minyak masak mengikut permintaan.

"Tapi selepas ini, bukan lagi syarikat pembungkusan menentukannya, tapi KPDN tentukan senarai bekalan. KPDN akan serahkan senarai (runcit) kepada syarikat pembungkusan melihat kepada keperluan di daerah itu," katanya.

Menurutnya, langkah itu diambil KPDN selepas pihaknya melakukan audit dalaman bagi mengenal pasti aktiviti dan punca penyelewengan barangan kawalan itu.

"Sesi libat urus berhubung langkah itu, kini dijalankan di semua negeri dan ketua-ketua cawangan KPDN di peringkat daerah sedang menentukan premis peruncitan yang memerlukan bekalan minyak masak subsidi.

"Menerusi langkah itu, KPDN dapat memantau syarikat pembungkusan menerusi sistem eCOSS, sama ada mereka menghantar bekalan mengikut senarai ditetapkan atau sebaliknya," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 1



KPDN sasar 657 siri tambahan PJR di Sabah > 3

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 3

# KPDN sasar 657 siri tambahan PJR di Sabah

**Ibrahim Tabir**

KUNAK : Program Jualan Rahmah (PJR) Madani mendapat sambutan yang cukup baik daripada penduduk di Sabah dengan 747 siri PJR telah diadakan di negeri ini sejak awal Januari hingga Jumaat lepas.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, berikutan sambutan yang menggalakkan itu, kementeriannya menyasarkan sebanyak 657 lagi siri tambahan Program Jualan Rahmah Madani akan dilaksana di Sabah dalam tempoh Oktober hingga hujung Disember ini.

Menurutnya, sejak mula dilaksanakan pada tahun 2023, PJR mendapat sambutan yang cukup hangat daripada masyarakat.

"Ini merupakan satu langkah intervensi kerajaan bagi menangani kos sara hidup, melalui PJR ini barangan ditawarkan diberi diskaun pada kadar 10 hingga 30 peratus sekaligus banyak membantu masyarakat", katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Program Jualan Rahmah Madani & Sentuhan Kasih bersama komuniti yang diadakan di perkarangan Dewan Arena Belia di sini, Sabtu.

Dalam majlis sama beliau menyampaikan bantuan 'Bakul Rahmah' dan penyerahan Skim Jaya Usahawan Belia kepada mereka yang terpilih.

Beliau telah mengarahkan supaya dalam tempoh tiga bulan terakhir tahun ini (Oktober - Disember), kekerapan penganjuran PJR dapat diperbanyakkan.

"Kita menetapkan untuk Sabah ini agar diadakan tiga siri PJR setiap bulan, di setiap (kawasan) DUN jadi keseluruhan (sebanyak) 657 siri tambahan PJR di Sabah", katanya.

Sehubungan itu, Armizan berharap wakil-wakil rakyat di semua kawasan dapat memberi kerjasama untuk mengenalpasti lokasi golongan sasar yang memerlukan bantuan khususnya dalam konteks pemberian subsidi barangan dijual pada harga diskaun melalui perlaksanaan PJR di kawasan terlibat.

Hadir sama dalam majlis itu, Adun Kunak Datuk Norazlinah Arif, Pegawai Daerah Kunak, Awang Mohd Yusof, Penerangan Pembangunan Masyarakat (PPM) Husin Mohd Rais, dan pegawai-pegawai KPDN.

Dalam perkembangan berkaitan katanya, KPDN mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Kewangan dan memohon peruntukan tambahan bagi belanjawan 2025 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri di Parlimen pada Oktober ini.

"Kita telah memohon salah satu komponen itu ialah peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan kepada KPDN bukan hanya untuk PJR, tetapi kita menyasarkan supaya dengan peruntukan bertambah, kekerapan PJR Madani dapat diperbanyakkan lagi di negara ini bukan setakat Sabah, jadi kita harap permohonan ini dipertimbangkan", katanya.

Beliau menambah, turut dicadangkan ialah permohonan peruntukan tambahan bagi Program Pengedaran Barangan Perlu khususnya untuk penduduk di pedalaman.

Program ini melibatkan pemberian subsidi kerajaan melalui perlantikan syarikat transporter (pengangkutan) yang memberikan perkhidmatan mengangkut barang-barang perlu dan kawalan yang terpilih daripada pusat atau sumber bekalan (point of source) kepada pusat penjualan (point of sale) di kawasan pedalaman atau luar bandar.

Objektif Program Pengedaran Barangan Perlu adalah untuk memastikan para penduduk di kawasan pedalaman terpilih mempunyai akses kepada sejumlah barangan perlu khususnya barangan kawalan pada harga yang sama yang dinikmati oleh masyarakat atau penduduk di kawasan bandar.

Sementara itu, mengenai program PJR Madani yang diadakan pada Sabtu di Kunak, seorang pengguna Muhammad Rani Mohd Jahani yang juga Ketua Peladang Muda - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kunak berkata, program tersebut sangat memberi impak yang besar kepada rakyat khususnya golongan B40 melalui pembelian barangan dapur atau keperluan harian.

"Misalnya, minyak masak 5 kilogram yang biasanya pada harga semasa RM30 di pasaran, tetapi hari ini dijual dengan hanya RM20.

Begitu juga dengan telur ayam hari ini harganya hanya RM15 sepapan berbanding di pasaran semasa nilainya agak berbeza. Bukan itu sahaja, banyak lagi barangan keperluan harian yang lain boleh diperolehi hari ini dengan harga yang rendah", katanya kepada Harian Ekspres.

Mohd Rani turut merakamkan penghargaan kepada pihak KPDN dan Adun Kunak yang berjaya mengadakan PJR Madani pada Sabtu dimana ianya julung kali dianjurkan secara mega dengan penyertaan syarikat Bataras Sdn Bhd.

Bataras Superstore Kunak yang turut mengambil bahagian dalam Program Jualan Rahmah (PJR) Madani melanjutkan tempoh program tersebut di premis cawangan mereka di Maganting Plaza pada 29 dan 30 September.



**ARMIZAN (tengah) ditemui media dalam PJR Madani yang diadakan di perkarangan Dewan Arena Belia, Kunak pada Sabtu.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 12

出席古纳"关怀社会暨大马昌明爱心销售计划"

# 阿米占与民交流传递政府的温暖



▲阿米占（右2）颁发政府津贴物资给有需要的古纳社会群體。（18D）

（古纳30日讯）国内贸易与生活成本部长拿督阿米占在沙巴古纳举办的"关怀社会计划暨马来西亚昌明爱心销售计划"上与当地民众亲切交流，展现政府关怀社区的决心与努力。

拿督阿米占表示，他非常高兴能亲临古纳，与民众面对面交流，并通过这次活动传递政府的温暖。

他也同时严厉警告任何人勿企图利用政府的爱心销售计划上所派发的津贴物资进行非法抬价和转卖，若被发现将遭到严重对付，并鼓励大家对此类违反与污辱国家名誉的行为作出举报，并透露这些物资包装上都印有相关执法单位的联系通讯号码，任何知情人士都可举报。

在活动期间，他代表马来西亚公司委员会（Suruhanjaya Syarikat Malaysia, SSM），国内贸易与生活成本部（KPDN）下属的一个机构，向符合资格的家庭派发了"爱心食品篮"（Bantuan Bakul Rahmah），这项福利计划旨在通过社会责任（CSR）项目，为有需要的家庭提供基本生活物资支持。

此外，他还为符合条件的年轻企业家颁发了"青年企业家成功计划"（Skim Jaya Usahawan Belia, SYABAS）援助金，以支持他们的发展和创业目标。

拿督阿米占指出，这类计划不仅能有效缓解低收入家庭的生活压力，同时也能激励当地青年创业，为社区经济带来积极影响。他表示，看到古纳民众的热烈支持和积极参与，他深感欣慰，并希望未来能有更多类似的计划在沙巴各地落实。

"非常感谢古纳居民的热情接待，希望未来有机会再次与大家见面，共同推动古纳和沙巴的进步与繁荣。"拿督阿米占说道。

此次活动在古纳青年活动中心（Dewan Arena Belia Kunak）举行，吸引了大批当地居民踊跃参与。古纳民众对政府的关怀表达了感激之情，并希望类似的惠民计划能长期推行，惠及更多弱势群体。（18W）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA

TARIKH: 1/10/2024

M/SURAT: 4

# Polis buka 80 kertas siasatan mengikut 4 akta

**Putrajaya:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) setakat ini membuka 80 kertas siasatan mengikut empat akta dalam siasatan yang dibuat ke atas GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH).

Undang-undang yang diguna pakai setakat ini ialah Akta Kanak-Kanak 2001; Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017; Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) serta Kanun Keseksaan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kecekapan dan kredibiliti pasukan PDRM diyakini dapat menyelesaikan siasatan kes berkaitan syarikat itu walaupun mengambil tempoh lama untuk dilengkapkan.

"Sekiranya jelas berlaku eksploitasi terhadap wanita dan kanak-kanak, kesalahan seksual kanak-kanak mahupun pemerdagangan manusia, tindakan perlu diambil. Sama ada terdapat pendakwaan atau tidak, perkara itu akan diteruskan Peguam Negara.

"Polis mengambil tempoh lama bagi melakukan intipan ke atas GISBH sehingga kepada tindakan dan tangkapan yang menumpukan kepada aspek eksploitasi terhadap wanita dan kanak-kanak," katanya kepada media selepas perhimpunan bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, semalam.



*Gambar fail Op Global fasa pertama yang bermula awal bulan lalu.*

Saifuddin berkata, selain PDRM, siasatan terhadap GISBH turut membabitkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Pendaftar Pertubuhan, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Pendidikan (KPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Kimia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Jabatan Agama Islam negeri.

"Seramai 1,226 pegawai dan anggota dari pelbagai jabatan dan agensi terbabit dalam operasi GISBH ini," katanya.

Op Global yang dilaksanakan bagi membanteras kegiatan eksploitasi kanak-kanak dan dakwaan doktrin ketaasuban agama yang dikaitkan dengan GISBH, kini memasuki fasa empat.

Sejak Op Global fasa pertama bermula awal bulan lalu, lebih 300 orang, termasuk pengurusan tertinggi GISBH ditahan, 172 mangsa diselamatkan dan lapan individu telah dituduh di mahkamah atas 33 pertuduhan.

Pada sidang media kemudiannya Saifuddin berkata, sehingga kini 80 kertas siasatan telah dibuka susulan penahanan 359 pengikut GISBH menerusi Op Global di seluruh negara.

"Jadi daripada 80 kertas siasatan yang dibuka, polis dan semua agensi terlibat tentunya mengambil masa untuk melengkapkan dan menyempurnakan (siasatan) sebelum diserahkan kepada AGC (Jabatan Peguam Negara). Sama ada pendakwaan akan dibuat atau sebaliknya - itu kuasa di peringkat AGC," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya di perhimpunan itu, Saifuddin berkata, 80 peratus daripada 64,000 unit rumah PDRM di seluruh negara adalah layak untuk didiami, manakala lima peratus lagi dengan sedikit pembaikan, boleh dijadikan ia layak untuk didiami, dan unit kediaman yang memerlukan pembaikan kecil ini akan dijadikan keutamaan untuk disegerakan.

"Walaupun peruntukan agak tidak mencukupi untuk menangani semua isu terutama di kawasan kos tinggi seperti di Kuching, Sarawak, tapi hal ini (kuarters) adalah penting, sebab di sana (Kuching), ada pegawai kanan polis, pegawai rendah polis, dan juga anggota lain, mereka terpaksa bayar sewa, ia menjadi beban," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 6

# MyCC siasat 81 perusahaan khidmat kembara dan umrah bawah Akta 712

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 81 perusahaan perkhidmatan kembara dan umrah sedang disiasat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) berhubung pelanggaran Seksyen 4, Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

MyCC berkata, siasatan terhadap perusahaan yang dianggap kartel itu masih di peringkat Keputusan Cadangan yang berpunca daripada perjanjian penetapan harga bagi penyediaan perkhidmatan perjalanan umrah di Malaysia bermula 2023.

Antara yang disiasat ialah GISB Travel and Tours Sdn Bhd; Abeel Travel & Services Sdn Bhd; Abu Rizki Travel & Tours Sdn Bhd; Afiq Travel & Tours Sdn Bhd; Ajus Travel & Tours Sdn Bhd dan Al Ansar Travel & Tours (M) Sdn Bhd.

Selain itu, Al Fawwaz Travel & Services Sdn Bhd; Al Haramain Global Tours & Services Sdn Bhd; Al Haramain Travel & Tours Sdn Bhd; Al Mikayla Travel & Tours Sdn Bhd; Al Murtajiz Travel Sdn Bhd; Al Ridzuan Travel & Tours Sdn Bhd; Al-Ilmi Travel & Tours Sdn Bhd.

Turut tersenarai Alrohmah Tours & Services Sdn Bhd dan Aqua Travel & Tours Sdn Bhd; Ar Rayyan Travel & Tours Sdn Bhd; Ar Rayyan Travel Services Sdn Bhd; Aseana Pro Travels Sdn Bhd; As-Siraj Haj Umrah Travel & Tours Sdn Bhd; Atocha Travel Sdn Bhd; Baheej Travel & Tours Sdn Bhd.

Barakah Umhaj Travel & Tours Sdn Bhd; Berkat Tuah Travel & Tours Sdn Bhd; BK Travel Sdn Bhd; BT Tune Holidays & Services Sdn Bhd; Dahlia Travel & Tours Sdn Bhd; Dar Premium Travel Sdn Bhd; De Teroke Travel & Tours Sdn Bhd; Dhiya Az Zahra Travel & Tours Sdn Bhd; Embun Ritz Travel Network Sdn Bhd dan Family International Travel & Tours Sdn Bhd.

Pengerusi MyCC, Datuk Seri Mohd Hishamudin Yunus, berkata semua syarikat berkenaan adalah ahli persatuan yang berdaftar di Malaysia.

Katanya, mereka dikatakan bersetuju menetapkan harga lantai bagi kedua-dua perkhidmatan pakej umrah ekonomi dan premium dalam beberapa mesyuarat pada awal 2023.

"Persetujuan harga lantai itu juga diumumkan kepada pihak media untuk dinar-uarkan kepada awam.

"Keputusan Cadangan yang dikeluarkan MyCC ini adalah dapatan awal dan tidak boleh diandaikan perusahaan dinyatakan itu melanggar Akta 712 pada peringkat ini," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Mohd Hishamudin berkata, MyCC akan mengeluarkan Keputusan Akhir selepas mempertimbangkan representasi syarikat terbabit bersama bukti diperoleh ketika proses penyiasatan.

Katanya, syarikat berkenaan diberi peluang membentang representasi lisan masing-masing kepada MyCC pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.

"Seperti peruntukan dalam Akta 712, semua perusahaan yang dinamakan dalam Keputusan Cadangan ini dimaklumkan mengenai penalti kewangan yang dicadangkan oleh MyCC.

"Mereka diberi peluang mengemukakan representasi bertulis kepada MyCC dalam 30 hari selepas menerima Keputusan Cadangan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 6

# GISB, Al Haramain terlibat kartel umrah

**PETALING JAYA:** GISB Travel & Tours Sdn. Bhd., Al Haramain Global Tours & Services Sdn. Bhd. dan Al Haramain Travel & Tours Sdn. Bhd. antara 81 syarikat penyediaan perkhidmatan umrah dikesan terlibat dalam kegiatan kartel menentukan harga.

Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Datuk Seri Mohd. Hishamudin Yunus berkata, pihaknya mengeluarkan keputusan cadangan terhadap syarikat-syarikat berkenaan kerana terlibat dengan perjanjian penetapan harga bagi penyediaan perkhidmatan umrah bermula awal tahun lalu.

Sehubungan itu, katanya, MyCC mengenakan penalti kewangan terhadap kesemua syarikat berkenaan dan perlakuan kartel mereka boleh dianggap melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

"Melalui siasatan pada peringkat keputusan cadangan, MyCC mendapati kesemua perusahaan ini merupakan ahli persatuan berdaftar di Malaysia dan bersetuju menetapkan harga lantai bagi kedua-dua perkhidmatan pakej umrah ekonomi dan premium dalam beberapa mesyuarat mereka pada awal 2023.

"MyCC juga mendapati persatuan terlibat membuat pengumuman kepada media memaklumkan kepada orang awam tentang harga lantai yang dipersetujui mereka," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Hishamudin berkata, tidak boleh diandaikan bahawa mana-mana perusahaan yang dinyatakan melanggar Akta 712 kerana pada peringkat itu, keputusan cadangan dikeluarkan MyCC adalah dapatan awal.

Katanya, kesemua perusahaan yang dinamakan dalam keputusan cadangan dimaklumkan mengenai penalti kewangan yang dicadang MyCC.

"Perusahaan ini diberi peluang mengemukakan representasi bertulis kepada MyCC dalam tempoh 30 hari selepas menerima keputusan cadangan.

"Selepas itu, perusahaan yang sama diberi peluang membentang representasi lisan kepada suruhanjaya pada tarikh yang akan ditetapkan. MyCC hanya mengeluarkan keputusan akhir selepas mempertimbang representasi oleh perusahaan ini bersama bukti yang diperolehi semasa proses siasatan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 4

# Disyaki terlibat kartel umrah pula

## GISB Travel & Tours antara 81 agensi yang dicadangkan dikenakan penalti kewangan oleh MyCC

Oleh QURRATUL AINA QUDDUS
SHAH ALAM

FOTO: FACEBOOK GISB TRAVEL & TOURS SDN BHD




**GISB Travel & Tours Sdn Bhd antara 81 agensi pelancongan umrah dicadangkan dikenakan penalti kewangan dipercayai terlibat dengan perjanjian penetapan harga bagi penyediaan perkhidmatan perjalanan umrah di Malaysia bermula tahun lalu.**

GISB Travel & Tours Sdn Bhd antara 81 agensi pelancongan umrah dicadangkan dikenakan penalti kewangan dipercayai terlibat dengan perjanjian penetapan harga bagi penyediaan perkhidmatan perjalanan umrah di Malaysia bermula tahun lalu.

Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Datuk Seri Mohd Hishamudin Yunus berkata, pihaknya telah mengeluarkan keputusan cadangan terhadap semua perusahaan terbabit.

Katanya, perlakuan kartel mereka boleh dianggap sebagai pelanggaran di bawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

"Melalui penyiasatan pada peringkat ini, MyCC mendapati bahawa kesemua perusahaan yang merupakan ahli persatuan berdaftar di Malaysia bersetuju menetapkan harga lantai bagi kedua-dua perkhidmatan pakej umrah ekonomi dan premium dalam beberapa mesyuarat mereka pada awal 2023.



MOHD HISHAMUDIN

"MyCC juga mendapati bahawa persatuan terbabit membuat pengumuman kepada pihak media untuk memaklumkan kepada orang awam tentang harga lantai yang telah dipersetujui oleh mereka," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Mohd Hishamudin menegaskan bahawa keputusan cadangan yang dikeluarkan oleh MyCC adalah dapatan awal.

Menurutnya, ia tidak boleh diandaikan bahawa mana-mana perusahaan yang dinyatakan melanggar Akta 712 pada peringkat berkenaan.

"Seperti yang diperuntukkan dalam akta, kesemua perusahaan yang dinamakan dalam keputusan cadangan ini telah dimaklumkan mengenai penalti kewangan yang dicadangkan oleh MyCC," ujarnya.

Mohd Hishamudin berkata, perusahaan berkenaan diberi peluang untuk mengemukakan representasi bertulis kepada MyCC dalam tempoh 30 hari selepas menerima keputusan cadangan tersebut.

"Selepas itu, perusahaan yang sama juga diberi peluang untuk membentangkan representasi lisan masing-masing kepada suruhanjaya pada tarikh ditetapkan kelak.

"MyCC hanya akan keluarkan keputusan akhir selepas mempertimbangkan representasi oleh perusahaan ini bersama bukti yang diperolehi semasa proses penyiasatan," jelas beliau.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 6

SUSPECTED PRICE-FIXING

# ALLEGED CARTEL OF 81 UMRAH AGENCIES

## Travel agencies — one of them linked to GISB — have 30 days to rebut MyCC claims

HAZWEEN HASSAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

EIGHTY-ONE umrah travel agencies suspected of colluding to fix prices are likely to face penalties from the Malaysia Competition Commission (MyCC).

An agency owned by Global Ikhwan Services and Business (GISB) Holdings Sdn Bhd is allegedly part of this cartel.

MyCC, under the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, has issued a proposed decision against these businesses.

"This cartel behaviour is an infringement of Section 4 of the Competition Act 2010 (Act 712)," MyCC chairman Datuk Seri Mohd Hishamudin Yunus said in a statement.

Preliminary findings, Hishamudin added, indicated that these companies — all members of a registered association — agreed to set floor prices for economy and premium umrah packages during meetings in early 2023.

The association subsequently announced these prices to the media.

All but 10 of these businesses are licensed to organise umrah packages.

Hishamudin said the proposed decision was a provisional finding and did not imply that these companies had broken the law.

He said the companies had been notified of the potential penalties.

He said the companies could submit written representations to MyCC within 30 days of receiving the proposed decision and would also have the opportunity to present oral representations before the commission at a later date.

"MyCC will issue its final decision after considering the representations and evidence gathered during the investigation," he said.



*Datuk Seri Mohd Hishamudin Yunus*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE EDGE MALAYSIA

HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 2

# MyCC probe finds 81 enterprises fixing prices of Umrah travel services

BY ANIS HAZIM
theedgemalaysia.com

KUALA LUMPUR (Sept 30): The Malaysia Competition Commission (MyCC) said on Monday investigation found 81 enterprises allegedly involved in a price-fixing agreement for the provision of Umrah travel services.

A proposed decision was issued and the 81 enterprises face possible penalty for the breach of Section 4 of the Competition Act 2010, MyCC said in a statement. The cartel behaviour allegedly stretched back to 2023, the anti-trust agency noted.

"It is important to highlight that at this stage, the proposed decision is a provisional finding and it should not be assumed that these enterprises have infringed" the law also known as Act 712, said MyCC chairman Datuk Seri Mohd Hishamudin Yunus.

MyCC will then make a final decision on whether an infringement has been committed and disclose the penalty to be imposed. A firm can ask the Competition Appeal Tribunal to re-examine MyCC's decision and the last avenue for appeal would be to initiate a judicial review.

The MyCC investigation provisionally found that the 81 enterprises, which are also the members of an association registered in Malaysia, have agreed to fix the floor prices for both economy and premium Umrah package services during their meetings in early 2023.

The commission also discovered that the association in question later made announcements to the media to inform the public of their agreed floor prices. All 81 enterprises except 10 are licensed to provide Umrah travel services, according to the quasi-judicial body.

GISB Travel & Tours Sdn Bhd, Abeel Travel & Services Sdn Bhd and Abu Rizki Travel & Tours Sdn Bhd are among the 81 enterprises identified by MyCC for potentially violating the competition law.

**Read the full story**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 7

# Umrah travel companies in hot soup over cartel behaviour

KUALA LUMPUR: Eighty-one Umrah travel companies face possible penalties from the Malaysia Competition Commission (MyCC) over price-fixing.

They are suspected of being involved in a price-fixing agreement to provide Umrah travel services in Malaysia starting in 2023. In this regard, MyCC has issued a proposed decision against the 81 companies.

Its chairman, Datuk Seri Mohd Hishamudin Yunus, said the companies' cartel behaviour violates Section 4 of the Competition Act 2010 (Act 712).

"Through investigation at the proposed decision stage, MyCC found that all of these companies, which are members of registered associations in Malaysia, agreed to set a floor price for both economy and premium Umrah package services in several of their meetings in early 2023.

"MyCC also found that the association also made a media announcement to inform the public about the floor price that had been agreed upon by them," he said.

Among the companies involved are GISB Travel & Tours Sdn Bhd, Abeel Travel & Services Sdn Bhd, Abu Rizki Travel & Tours Sdn Bhd, Afiq Travel & Tours Sdn Bhd and Ajua Travel & Tours Sdn Bhd.

Mohd Hishamudin explained that the proposed decision issued by MyCC is a preliminary finding, so it cannot be assumed that any of the companies mentioned have violated the Competition Act 2010 at this stage.

He said that, as provided in the act, all the companies named in the proposed decision have been informed of the financial penalty proposed by MyCC.

"These companies are given the opportunity to submit written representations to MyCC within 30 days of receiving the proposed decision.

"After that, the same companies are also given the opportunity to present their oral representations to MyCC on a date to be set later," he said.

He added that the MyCC will issue a final decision after considering the companies' representations and the evidence obtained during the investigation process. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: SELASA
TARIKH: 1/10/2024
M/SURAT: 6

# 81公司涉串通定價

## 競爭委會：30天內呈書面陳述

（吉隆坡30日讯）81家旅游公司被指在提供朝圣配套时涉及串通定价行为，抵触《2010年竞争法令》第4条文，被大马竞争委员会（MyCC）要求在30天内提交书面陈述。

大马竞争委员会主席拿督斯里莫哈末希山慕丁发文告说，这81家公司被指控在2023年提供朝圣旅行服务时，存在串通定价行为。

在这81家旅游公司当中，包括GISB Travel & Tours Sdn. Bhd.公司。

"调查初步发现，这些公司均在马来西亚注册为同一协会的成员，并在2023年初的会议上达成了'经济型'及'高级朝圣配套'的低价协议"

"其中71家均持有进行朝圣旅行服务的执照。"

他指出，该协会随后还向媒体发布文告，通知民众该协会成员协商达成的底价。

他说，这些公司在收到决定建议后的30天内，有机会向委员会提交书面陈述。此外，公司还有机会在稍后确定的日期向委员会进行口头陈述。

竞争委员会将在考虑了这些公司的陈述以及调查过程中获得的证据后，发布最终决定。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM




UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: SELASA

TARIKH: 1/10/2024

M/SURAT: 2

# Teruskan legasi Menu Rahmah Salahuddin Ayub

HARIMAU mati meninggalkan belang. Manusia mati meninggalkan Begitulah yang terjadi kepada bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Sebut sahaja Menu Rahmah, pasti terbayang nama Salahuddin. Ini kerana beliau yang membawa idea Menu Rahmah pada awal tahun lalu iaitu makanan yang dijual pada harga RM5 sama ada oleh penjaja kecil, restoran mamak atau makanan segera.

Walaupun RM5, setiap set menu itu lengkap dengan sepinggan nasi, satu lauk dan sayur. Boleh dikatakan ia makanan berzat yang seimbang.

Menu Rahmah diperkenalkan ketika orang ramai berhadapan kos sara hidup tinggi dan mengeluh harga makanan di kedai yang mahal.

Menyedari perkara itu, Salahuddin mengambil langkah berani memperkenalkan Menu Rahmah kerana percaya ia masih menguntungkan peniaga.

Kerja keras Salahuddin menjadikan Menu Rahmah satu jenama yang disambut baik oleh banyak pihak. Di pasar malam, bazar Ramadan dan pasar tani, akan ada gerai makanan yang meletakkan tanda 'Menu Rahmah Madani, Rahmah Itu Berkat.' Menu tersebut seperti menjadi satu kewajiban bagi peniaga bagi menarik kedatangan pelanggan.

Restoran makanan segera terkemuka juga memperkenalkan Menu Rahmah. Daripada berbelas ringgit satu set makanan, pengguna hanya perlu membayar RM5 untuk satu set air, burger dan kentang goreng.

Selain penjual makanan, peniaga lain juga menggunakan Menu Rahmah sebagai satu promosi barang mereka. Walaupun bukan RM5, pengguna faham peniaga berkenaan cuba memberitahu barangan yang dijual adalah murah.

Kementerian yang diterajui Salahuddin ketika itu bersungguh-sungguh memperkenalkan Menu Rahmah sebagai satu cara dalam berhadapan kos sara hidup tinggi. Malah laman web Menu Rahmah juga dibuka untuk memberitahu kedai-kedai yang menawarkan menu itu.

Kerajaan juga berusaha memberi inisiatif diskaun pembelian bahan mentah kepada peniaga dengan kerjasama enam buah pasar raya bagi mengekalkan penjualan Menu Rahmah.

Namun ketika Menu Rahmah giat diperkenalkan, Salahuddin meninggal dunia pada 23 Julai tahun lalu. Agak malang, program Menu Rahmah juga tidak serancak ketika Allahyarham memperkenalkan menu itu.

Memang ada yang masih menjual makanan Menu Rahmah tetapi tidak lagi menonjol seperti sebelum ini. Sepatutnya usaha baik Salahuddin itu diteruskan terutamanya kalau tiada idea baharu untuk membantu rakyat berhadapan kos sara hidup tinggi.

Memanglah dalam setahun dua ini, ramai yang berjaya keluar daripada kemiskinan tetapi ramai juga yang terus terperangkap. Jika tidak, tidaklah berlaku kes pelajar terpaksa merayu bantuan kewangan untuk masuk ke universiti atau membawa barang ke kampus dengan menggunakan beg guni.

**Muhammad Nizam Abdul Hamid ialah Pengarang Berita Kanan *Utusan Malaysia***

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 1 OKTOBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 1-Oct | Sorok minyak RM15 juta! | https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1139210/sorok-minyak-rm15-juta | HARIAN METRO |
| 1-Oct | Rampas minyak paket RM2.66 juta sejak Januari lalu | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1139222/rampas-minyak-paket-rm266-juta-sejak-januari-lalu#google_vignette | HARIAN METRO |
| 1-Oct | MyCC probe finds 81 enterprises fixing prices of Umrah travel services | https://theedgemalaysia.com/node/728436 | THE EDGE MALAYSIA |
| 1-Oct | 81 umrah travel agencies face potential penalties for price-fixing | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1112829/81-umrah-travel-agencies-face-potential-penalties-price-fixing | NEW STRAITS TIMES |
| 1-Oct | Eksploitasi wanita, kanak-kanak jadi fokus siasatan GISBH | https://www.sinarharian.com.my/article/688401/berita/semasa/eksploitasi-wanita-kanak-kanak-jadi-fokus-siasatan- | SINAR HARIAN |
| 1-Oct | 80 kertas siasatan GISBH dibuka | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1139259/80-kertas-siasatan-gisbh-dibuka | HARIAN METRO |
| 1-Oct | Polis buka 80 kertas siasatan GISBH – Saifuddin | https://www.buletintv3.my/nasional/polis-buka-80-kertas-siasatan-gisbh-saifuddin/ | BULETIN TV3 |
| 1-Oct | Jualan Rahmah MADANI khas jadi tumpuan rakyat | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jualan-rahmah-madani-khas-jadi-tumpuan-rakyat | BERITA RTM |
| 1-Oct | MyCC siasat 81 syarikat kembara dan umrah | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1304881/mycc-siasat-81-syarikat-kembara-dan-umrah | BERITA HARIAN |
| 1-Oct | MyCC: 81 Umrah travel agencies risk penalties for price-fixing | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/09/30/mycc-81-umrah-travel-agencies-risk-penalties-for-price-fixing | THE STAR |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1-Oct | 81 PERUSAHAAN DISYAKI TERLIBAT KARTEL UM-RAH, DIKENAKAN PENALTI KEWANGAN - MYCC | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2346174 | BERNAMA |
| 1-Oct | MyCC targets 81 umrah trav-el companies for cartel be-haviour in price-fixing probe | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/09/30/mycc-targets-81-umrah-travel-companies-for-cartel-behaviour-in-price-fixing-probe/152150 | MALAY MAIL |
| 1-Oct | 81 perusahaan disyaki terba-bit kartel umrah, dikenakan penalti kewangan - MyCC | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1139364/81-perusahaan-disyaki-terbabit-kartel-umrah-dikenakan-penalti-kewangan-mycc | HARIAN METRO |
| 1-Oct | MyCC siasat 81 syarikat ter-libat kartel harga umrah | https://www.buletintv3.my/nasional/mycc-siasat-81-syarikat-terlibat-kartel-harga-umrah/ | BULETIN TV3 |
| 1-Oct | MyCC targets 81 umrah trav-el companies for cartel be-haviour in price-fixing probe | https://www.dailyexpress.com.my/news/242936/mycc-targets-81-umrah-travel-companies-for-cartel-behaviour-in-price-fixing-probe/ | DAILY EXPRESS |
| 1-Oct | MyCC siasat 81 syarikat did-akwa kartel umrah dan kem-bara | https://malaysiagazette.com/2024/09/30/mycc-siasat-81-syarikat-didakwa-kartel-umrah-dan-kembara/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 1-Oct | Perlakuan kartel: GISB Trav-el & Tours antara 81 perus-ahaan dicadang dikenakan penalti kewangan | https://www.wilayahku.com.my/perlakuan-kartel-gisb-travel-tours-antara-81-perusahaan-dicadang-dikenakan-penalti-kewangan/ | WILAYAHKU |
| 1-Oct | GISB Travel & Tours antara 81 agensi dipercayai terlibat kartel penetapan harga um-rah | https://www.sinarharian.com.my/article/688429/berita/semasa/gisb-travel-tours-antara-81-agensi-dipercayai-terlibat-kartel- | SINAR HARIAN |
| 1-Oct | GISB Travel & Tours among 81 companies in umrah price -fixing probe, says MyCC | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/30/gisb-travel--tours-among-81-companies-in-umrah-price-fixing-probe-says-mycc | THE STAR |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT